

Swasta harus bantu wujudkan pusat latihan

KUALA LUMPUR 15 Ogos — Sektor swasta harus membantu kerajaan mewujudkan pusat-pusat latihan vokasional bagi melahirkan lebih ramai pekerja mahir, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia membantu mana-mana majikan yang menyediakan pusat latihan kepada pekerja-pekerjanya.

“Memang semua majikan memberi latihan kepada pekerja mereka, jika tidak, sudah tentu mereka (pekerja) tidak dapat bekerja dalam kilang-kilang yang canggih tetapi apa yang dikehendaki sekarang ialah mereka harus mengadakan latihan ini lebih awal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah Johan Kemahiran Malaysia Kali Kelima, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, pewujudan pusat latihan se-

umpama itu akan dapat meningkatkan kecekapan dan kebolehan seseorang individu melalui bimbingan jurulatih yang cekap.

“Pusat-pusat ini akan mampu menyediakan kepada majikan pekerja-pekerja cekap dan mahir yang diperlukan oleh mereka sendiri,” katanya.

Katanya, beliau percaya dengan peningkatan kecekapan, pendapatan pekerja yang mahir juga akan turut meningkat.

Pekerja

“Pada masa ini kita sudah sampai ke era di mana pekerja di dalam pejabat akan mendapat pendapatan yang berkurangan berbanding dengan pekerja yang bekerja di kilang dan di luar pejabat.

“Oleh itu kerajaan akan mengurangkan penekanan kepada pelajaran akademik sebaliknya menumpukan lebih banyak kepada pelajaran vokasional dan

teknik supaya Malaysia mampu memasuki era baru itu dengan kecekapan yang diperlukan,” katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan memberi insentif kepada pihak-pihak yang mengadakan pusat latihan berkenaan.

“Selain itu kita juga mungkin perlu mengadakan lebih banyak biasiswa kerana pusat-pusat latihan jenis ini akan melibatkan perbelanjaan yang mahal terutamanya daripada segi modal dan pembayaran kepada jurulatih,” katanya.

Tegasnya, langkah kerajaan untuk memberi penekanan yang lebih banyak kepada pelajaran vokasional adalah memandangkan peluang bagi mereka yang mempunyai kelulusan akademik semata-mata, untuk mendapat pekerjaan sangat kurang berbanding mereka yang mempunyai kemahiran.